

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
4-5	KPT BERI RUANG UNIVERSITI LAKSANA PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	2 DISEMBER 2024	BERNAMA
6-8	MALAYSIA DAN TIMOR-LESTE JALIN KERJASAMA LEBIH KUKUH DALAM PENDIDIKAN, PERTAHANAN	2 DISEMBER 2024	BERNAMA
9-11	HUBUNGAN KUKUH AKADEMIA, INDUSTRI PENTING TANGANI ISU PADANAN KERJA DALAM KALANGAN GRADUAN	3 DISEMBER 2024	BERNAMA
12-14	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI 2026-2035 GARAP HALA TUJU HOLISTIK IPT	3 DISEMBER 2024	BERNAMA
15-17	MARA TAWAR PROGRAM TVET UNTUK PEKERJA EKONOMI GIG	4 DISEMBER 2024	BERITA HARIAN
18-20	TIGA INSTITUSI TVET TERJEJAS BANJIR DI KELANTAN DIBAIKI SEGERA	4 DISEMBER 2024	BERNAMA
21-23	ALIF WAKIL SUMO NEGARA	7 DISEMBER 2024	METRO
24-26	PERAK MOHON DANA PUSAT RM10 JUTA PERKASA TVET	9 DISEMBER 2024	BERNAMA

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
27-30	INDUSTRI REL TAWAR 25,000 PELUANG PEKERJAAN BAHARU KEPADA LEPASAN TVET	10 DISEMBER 2024	BERITA HARIAN
31-34	KERAJAAN TIADA HASRAT PERKENAL TVET KEPADA LEPASAN DARJAH ENAM	11 DISEMBER 2024	BERNAMA
35-39	TVET PACU EKONOMI, JAMIN MASA DEPAN GENERASI MUDA	12 DISEMBER 2024	BERNAMA
40-41	PENINGKATAN KADAR BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA BERI MANFAAT KEPADA 60,000 PELAJAR	12 DISEMBER 2024	BERNAMA
42-45	BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA DINAIKKAN KEPADA RM400	12 DISEMBER 2024	BERNAMA
46-48	NCDRC UPSI BAWA 27 KANAK-KANAK LAWAT KOLEJ VOKASIONAL, DEDAH ILMU TVET	14 DISEMBER 2024	BERITA HARIAN
49-51	TVET TERUS DIPERKASA PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI, TEKNOLOGI	14 DISEMBER 2024	BERITA HARIAN
52-54	KPT RANGKA PELAN PENDIDIKAN TINGGI 2025-2035	16 DISEMBER 2024	BERNAMA

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
55-57	JELAJAH HAWANA BERSAMA SISWA DICADANG DIPERLUAS KE POLITEKNIK TAHUN HADAPAN	16 DISEMBER 2024	BERNAMA
58-60	KPT BERJAYA CAPAI 5 FOKUS UTAMA	17 DISEMBER 2024	BERITA HARIAN
61-63	POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI JALIN KERJASAMA DENGAN JPKK LAKSANA PROGRAM SEJATI MADANI	18 DISEMBER 2024	BERNAMA
64-67	MALAYSIA PERLU PERKUKUH TRANSFORMASI TENAGA KERJA UNTUK PER-SIAPAN MASA DEPAN	25 DISEMBER 2024	BERNAMA
68-72	TVET BUKAN 'JALAN MATI' LALUAN KERJAYA BERPOTENSI TINGGI	26 DISEMBER 2024	BERNAMA
73-75	PROGRAM BAUCAR BUKU PELAJAR IPT FASA 2: INISIATIF DIGITAL TUAI HASIL	31 DISEMBER 2024	METRO


BERNAMA

2 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | KPT BERI RUANG UNIVERSITI LAKSANA PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Banjir: KPT Beri Ruang Universiti Laksana Pembelajaran Dalam Talian

🕒 02/12/2024 05:33 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berucap pada Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan Tinggi di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur hari ini. --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memberi ruang kepada universiti yang terjejas banjir untuk melaksanakan proses pengajian mengikut kesesuaian termasuk pembelajaran secara dalam talian.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata keputusan itu dibuat selepas perbincangan pagi tadi bersama Ketua Setiausaha KPT Datuk Seri Dr Zaini Ujang, selain menyediakan bantuan kepada pelajar terjejas.

"Jika ada kawasan yang terjejas disebabkan ini (banjir), kita sangat fleksibel untuk menyediakan ruang (pembelajaran). Kaedahnya pelbagai.

"Sekarang ni, kawasan yang terlibat (banjir) di Kelantan dan Terengganu... kita bagi fleksibiliti kepada universiti, mereka tahu apa yang perlu dilaksanakan," katanya pada sidang media selepas majlis penandatanganan nota kerjasama antara Kementerian Pertahanan dan KPT di sini hari ini.

Mengenai bantuan kepada pelajar terjejas akibat banjir, Zambry berkata terdapat pasukan sukarelawan Skuad Ihsan MADANI akan membantu menyalurkan bantuan terbabit selain pihak universiti juga akan mengenal pasti pelajar yang terlibat dan kebanyakan mereka berada di kampus masing-masing.

Pada 29 Nov lepas, media melaporkan sebanyak 3,029 penuntut institusi pengajian tinggi awam terjejas banjir dengan 481 orang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) dalam kampus manakala 42 lagi dipindahkan ke PPS luar.

Zambry berkata pelajar yang terkesan khususnya di Pantai Timur melibatkan Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Malaysia Kelantan serta politeknik.

-- BERNAMA

BERNAMA

2 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA DAN TIMOR-LESTE JALIN KERJASAMA LEBIH KUKUH DALAM PENDIDIKAN, PERTAHANAN

Malaysia Dan Timor-Leste Jalin Kerjasama Lebih Kukuh Dalam Pendidikan, Pertahanan

🕒 02/12/2024 05:59 PM



PUTRAJAYA, 2 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Timor-Leste memperluas kerjasama melalui peningkatan kolaborasi dalam pendidikan, pembinaan kapasiti serta pertahanan bagi memperkukuh hubungan dua hala selain mempromosi kestabilan serantau.

Menurut kenyataan bersama yang dikeluarkan hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan sejawatnya, Kay Rala Xanana Gusmao menekankan kepentingan program pembinaan kapasiti serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai alat penting bagi pembangunan kerjaya selain menyokong pertumbuhan ekonomi di peringkat individu mahupun komuniti.

Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia berjanji menyediakan biasiswa, kursus dan latihan khusus di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah sebagai sebahagian daripada sokongannya terhadap aspirasi keanggotaan Timor-Leste dalam ASEAN.

Kedua-dua pemimpin turut menyambut baik Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada 28 Ogos lepas antara Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Dana Pembangunan Modal Insan Timor-Leste (FDCH).

"MoU itu akan memudahkan mobiliti penerima biasiswa Kerajaan Timor-Leste untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia.

"Bagi terus memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan dan pembinaan kapasiti, kedua-dua pemimpin menantikan pemeteraian MoU mengenai Pendidikan Tinggi dalam masa terdekat," menurut itu yang dikeluarkan sempena lawatan rasmi pertama Xanana Gusmao ke negara ini.

Beliau tiba di Malaysia semalam bagi memulakan lawatan rasmi selama tiga hari iaitu yang pertama sejak memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Timor-Leste pada 1 Julai 2023.

Kerjasama pertahanan dan keselamatan turut diketengah dalam perbincangan kerana kedua-dua negara mengiktiraf kepentingan inisiatif bersama seperti di bawah Program Kerjasama Pertahanan Malaysia (MDCP) dan pasukan pengaman.

“Kedua-dua negara setuju memperkukuh kerjasama sedia ada dan meneroka bidang kerjasama baharu. Berbekalkan matlamat memajukan kerjasama pertahanan, kedua-dua pemimpin menantikan pementoran MoU mengenai Kerjasama Pertahanan dalam masa terdekat untuk kolaborasi yang lebih luas,” menurut kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk terlibat secara aktif dalam acara pertahanan utama seperti Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) serta Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) bagi memupuk kerjasama dalam industri pertahanan.

-- BERNAMA

BERNAMA

3 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | HUBUNGAN KUKUH AKADEmia, INDUSTRI PENTING TANGANI ISU PADANAN KERJA DALAM KALANGAN GRADUAN

Hubungan Kukuh Akademia, Industri Penting Tangani Isu Padanan Kerja Dalam Kalangan Graduan

🕒 03/12/2024 11:08 PM



PUTRAJAYA, 3 Dis (Bernama) -- Hubungan kukuh pihak akademik dan industri adalah penting bagi menangani isu ketidaksepadanan antara kemahiran graduan dan jangkaan industri, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Beliau berkata kerjasama akademik dan industri yang selari akan menyokong pertumbuhan negara dengan mewujudkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu memacu sektor kritikal seperti teknologi, pembuatan dan penjagaan kesihatan.

Zambry berkata menyedari peranan penting Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pihaknya kini berusaha memasukkan pendidikan bidang itu ke dalam rangka kerja nasional sambil menerima peralatan digital untuk bergerak ke arah masa depan yang lebih saksama dan inklusif.

"Dalam usaha mendorong negara ke arah matlamat yang telah kita tetapkan, Kementerian Pendidikan Tinggi komited memupuk perkongsian awam-swasta dalam latihan kemahiran, memastikan tenaga kerja kita dilengkapi untuk berkembang maju dalam pasaran kerja yang berubah dengan pantas," katanya dalam ucap tama pada Majlis Penyampaian Anugerah bagi Pertandingan ICT Huawei 2024-2025 di sini malam ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud.

Zambry berkata Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menekankan kepentingan menyelaras pendidikan dengan keperluan industri, meletakkan tumpuan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pemacu utama pembaharuan.

Beliau berkata kerajaan komited untuk melengkapi para pelajar dengan peralatan dan kemahiran penting yang diperlukan dalam mengharungi kerumitan ekonomi masa depan.

Zambry berkata dengan memperkenalkan pendidikan ICT lebih awal, para pelajar mampu mengembangkan kemahiran penting untuk menyediakan mereka dalam mendepani tuntutan tenaga kerja yang dipacu oleh teknologi.

Mengenai Pertandingan ICT Huawei, beliau berkata inisiatif itu bukan sahaja membina kemahiran tetapi juga membentuk masa depan dan mewujudkan peluang untuk akses yang sama kepada pembelajaran dan perkembangan.

Zambry berkata Huawei Malaysia juga memiliki Akademi Huawei ASEAN dan Akademi ICT Huawei yang bukan sahaja membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran ICT tetapi juga menyediakan mereka untuk mendepani tuntutan industri yang semakin berkembang.

Beliau juga berkata Malaysia mempunyai rancangan besar untuk menjadi Ibu Kota Digital ASEAN menjelang 2030 dan membina kumpulan bakat yang kukuh adalah nadi visi ini.

-- BERNAMA

BERNAMA

3 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI 2026-2035 GARAP HALA TUJU HOLISTIK IPT

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2026-2035 Garap Hala Tuju Holistik IPT - Zambry

🕒 03/12/2024 09:57 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir ketika sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan pada Persidangan Dewan Rakyat sempena Mesyuarat ke Tiga Penggal Ke Tiga Parlimen ke-15 di Bangunan Parlimen hari ini.

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2026-2035 yang sedang disediakan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) digarap secara holistik dengan menekankan aspek pembangunan insaniah dan pengembangan minda mahasiswa, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata hala tuju institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bukan sahaja menyediakan infrastruktur pendidikan berkualiti, tetapi juga perlu merangkumi bidang pembelajaran yang seiring dengan keperluan industri selain melahirkan mahasiswa seimbang.

"Universiti kini bukan hanya berperanan untuk membangunkan aspek pendidikan, tetapi turut merangkumi nilai manusiawi ... membina manusia itu sendiri, membina otak dan watak. Ini menjadi fokus kita dalam merumuskan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2026-2035 nanti.

"Ia juga berkait rapat dengan *future orientation* kepada universiti ... dalam konteks universiti, IPT, politeknik ia melibatkan semakan semula sukatan pelajaran dan kurikulum mereka yang kebiasaannya dibuat institusi masing-masing pada setiap tiga hingga lima tahun," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 peringkat jawatankuasa bagi kementerian itu di Dewan Rakyat.

Beliau berkata pendekatan itu termasuk melihat kepada kurikulum baharu atau bidang alternatif lain yang semakin diperlukan seperti kecerdasan buatan (AI) dan sektor elektrik dan elektronik (E&E).

Berhubung peruntukan biasiswa dan dana penyelidikan, Zambry berkata menerusi Belanjawan 2025, KPT diperuntukkan keseluruhan RM220 juta untuk tujuan pembiayaan biasiswa pelajar manakala geran penyelidikan pula sebanyak RM400 juta dan disokong dengan dana penyelidikan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebanyak RM190 juta.

Mengenai pembangunan dan pembinaan infrastruktur IPT termasuk kolej komuniti baharu, beliau berkata perkara itu perlu mengambil kira keperluan tempatan untuk mengelakkan institusi ditutup akibat kekurangan penuntut, namun terdapat empat politeknik baharu dirancang akan dibina tahun depan.

Mengulas berkenaan kes buli yang berlaku di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Zambry berkata pendekatan yang menyeluruh diperlukan untuk menyelesaikan masalah dan bukannya melihat daripada konteks universiti itu sahaja.

"Kita tidak boleh meneruskan tradisi 'lihat itu, lihat ini', apabila kejadian macam ini berlaku kita mesti ada pendekatan menyeluruh. Misalnya, dalam konteks UPNM, sistem yang ada sesuai ataupun tidak ataupun kita rombak balik ... struktur semula sistem pengajian yang ada di sana.

"Dalam konteks universiti yang lain, kita tubuhkan Majlis Hal Ehwal Pelajar untuk pastikan kes buli tidak berlaku," katanya.

Sementara itu, beliau berkata cadangan memasukkan universiti sebagai badan berkanun dengan kuasa autonomi sendiri akan dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan kerana IPT Awam (IPTA) tidak tersenarai dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

Dewan Rakyat kemudian meluluskan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM18,097,086,800 yang diperuntukkan kepada KPT dalam Belanjawan 2025 dengan lebih suara menyokong selepas dibahas 19 Ahli Parlimen.

-- BERNAMA

BERITA HARIAN

4 DISEMBER 2024

BH ONLINE | MARA TAWAR PROGRAM TVET UNTUK PEKERJA EKONOMI GIG

MARA tawar program TVET untuk pekerja ekonomi gig



Oleh Ilah Hafiz Aziz - Disember 4, 2024 @ 2:12pm
illahhafiz.abdulaziz@abdulaziz.com.my



Pengerusi MARA, Datuk Wira Asyraf Wajdi Dusuki. - Foto fail NSTP/Ahmad Ukasyah

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (MARA) melalui GiatMARA akan memulakan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada pekerja ekonomi gig seperti penghantar makanan, dalam usaha menambah nilai kemahiran mereka.

Pengerusinya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata kemahiran itu perlu diterapkan memandangkan pekerjaan dalam ekonomi gig dilihat bersifat sambilan, namun penting untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup.

"MARA melalui GiatMARA akan mula program TVET kepada pekerja GIG. Contohnya, penghantar makanan dilatih kemahiran selenggara pendingin hawa. Sambil hantar makanan, boleh tawar khidmat servis pendingin hawa.

"Sampai bila pekerja GIG seperti penghantar barangan dan makanan akan terus bekerja dalam industri GIG yang lebih berupa sambilan. Jika melangkau 40an dan sudah berkeluarga, tenaga sudah kurang.

"Kalau tidak ada kemahiran lain atau sijil pendidikan sukar mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup," katanya dalam satu kenyataan di laman sosialnya, di sini hari ini.

Asyraf Wajdi berkata MARA dan GiatMARA sudah merumuskan satu program latihan TVET buat kumpulan pekerja GIG yang boleh disertai melalui program latihan dalam pelbagai kemahiran secara separuh masa.

"Selain memperolehi kemahiran, mereka juga dapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf.

"Hari ini melalui Dasar TVET Negara, dengan sijil SKM tahap tiga dan empat, mereka boleh menyambung pengajian ke peringkat diploma hingga ke peringkat ijazah," katanya.

BERNAMA

4 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | TIGA INSTITUSI TVET TERJEJAS BANJIR DI KELANTAN DIBAIKI SEGERA

Tiga Institusi TVET Terjejas Banjir Di Kelantan Dibaiki Segera – Ahmad Zahid

🕒 04/12/2024 04:42 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hadir merasmikan majlis penutup program Job Empowerment by Learning and Inclusive Technical Advancement (JELITA) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) hari ini.

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Tiga institusi menawarkan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang terjejas banjir di Kelantan akan segera dibaiki bagi memastikan pembelajaran pelajar tidak terjejas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata institusi yang terjejas ialah Kolej Kemahiran Tinggi Mara Pasir Mas, GIAT Mara Pasir Mas dan GIAT Mara Tumpat, yang mengalami kerosakan kemudahan agak teruk.

"Setakat ini ada tiga dan kita akan segera memperbaikinya. Antara kerosakan dilaporkan adalah melibatkan perabot dan peralatan latihan manakala MRSM Tumpat pula dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penutup JELITA@KPT Summit 2024 di Dewan Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Ketua Menteri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Massilla Kamalrudin.

Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata langkah lebih proaktif sedang dan akan dilaksanakan dalam usaha meningkatkan jumlah wanita dalam bidang TVET memandangkan wujudnya jurang sangat ketara.

"Jurang ketara ini iaitu hanya 30 peratus (wanita sertai TVET) menjadi peringatan untuk kita mengambil langkah lebih tuntas dan agresif dalam menyokong ikhtiar memperkasakan wanita dalam bidang TVET kerana ia bukan hanya menawarkan peluang meningkatkan pendapatan tetapi juga kestabilan kerjaya jangka panjang.

"Untuk itu, lebih banyak usaha strategik dirancang termasuk membuka ruang bagi wanita terlibat dalam pekerjaan berkemahiran dan berteknologi tinggi, sekali gus mengatasi cabaran budaya, stigma dan struktural tradisional yang sering menjadi kekangan penyertaan wanita dalam sektor TVET," katanya.

Terdahulu, lebih 3,000 peserta dari institusi pengajian tinggi di seluruh negara menyertai Program JELITA@KPT 2024 dengan 80 peratus adalah golongan wanita dengan lebih 100 program pensijilan Advanced TVET dilaksanakan menerusi dua fasa yang bermula Januari lepas.

-- BERNAMA

METRO

7 DISEMBER 2024

MY METRO | ALIF WAKIL SUMO NEGARA

Alif wakil SUMO negara

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my



Alif Iskandar Ahmad Afandi dari program Mekatronik PPD itu akan mewakili Pasukan MARK III membawa cabaran dipertandingan berprestij Grand Final All Japan Robot Sumo Tournament 2024 di Tokyo, Jepun. FOTO Ihsan PPD

Port Dickson: Politeknik Port Dickson (PPD) mencipta sejarah apabila pelajarnya, terpilih mewakili Malaysia pada kejohanan berprestij Grand Final All Japan Robot Sumo Tournament 2024 di Tokyo, Jepun.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal PPD, Norhazlina Amon berkata, pelajar, Alif Iskandar Ahmad Afandi dari program Mekatronik PPD itu akan mewakili Pasukan MARK III membawa cabaran pada pertandingan yang akan diadakan hujung minggu ini (7-8 Disember).

"Sebelum ini, pada 26 hingga 27 November lalu, berlangsung pertandingan robot Sumo 3 kilogram magnetik anjuran Petrosains di Stadium Juara Bukit Kiara.

"Dalam pertandingan itu, Team Robot Sumo Mark III yang disertai pelajar Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Alumni PPD berjaya memenangi kategori tersebut," katanya tadi.

Katanya, kesinambungan dari pertandingan itu, pihak Petrosains mendapat tiket penyertaan dari penganjur All Japan Robot Sumo World untuk menghantar wakil ke sana.

"Pihak Petrosains memberikan tawaran tiket pertandingan itu kepada TEAM MARK III dengan kos perbelanjaan sendiri untuk ke sana.

"Team Mark III menerima tawaran tersebut dan terus didaftarkan pihak Petrosains dengan menamakan TEAM MARK iii sebagai wakil MALAYSIA dalam pertandingan peringkat antarabangsa itu," ujarinya.

Norhazlina berkata, peserta Malaysia akan diwakili Aliff Iskandar Ahmad Afandi, 20, pelajar jurusan Diploma Mekatronik, Semester 5 di Politeknik Port Dickson.

"Aliff Iskandar memang seorang penuntut yang aktif dalam bidang robotik dan juga wakil Politeknik Port Dickson dalam pertandingan FIRA peringkat kebangsaan bagi setiap tahun dari beliau semester 1 lagi.

"Dia juga aktif dalam beberapa pertandingan-pertandingan robot sumo yang lain atas dasar minatnya yang mendalam memudahkan tugas bagi melatihnya mahir mengendalikan robot," katanya.

Menurut beliau lagi, dia sebagai Penasihat Team, berkata, turut mengiringi Aliff, Alumni PoliPD, Muhammad Faiz Abdol Jalil, 30, Muhammad Zaki Zakaria, 29, dan Iszuzuldin Amirull Mohd Janudin, 26.

Disiarkan pada: Disember 7, 2024 @ 4:21pm

BERNAMA

9 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | PERAK MOHON DANA PUSAT RM10 JUTA PERKASA TVET

Perak mohon dana Pusat RM10 juta perkasa TVET



NORMAWATI ADNAN [Follow](#)

09 Disember 2024 07:13pm

Masa membaca: 2 minit



Saarani berkongsi pengalaman dan pandangan sempena siri jelajah akhir Program Tanya Cikgu Saarani 2024 di Stadium Indera Mulia di Ipoh, pada Isnin.

IPOH - Perak mengemukakan permohonan dana RM10 juta kepada kerajaan Pusat bagi memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negeri ini tahun hadapan.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk membiayai program dan aktiviti yang dilaksanakan bersama institusi TVET dan pemain industri.

Menurutnya, usaha yang digerakkan melalui jelajah program Tanya Cikgu Saarani tersebut telah mendapat lampu hijau daripada Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa TVET Negara, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Ini bukan setakat turun ceramah sahaja, tetapi kerajaan negeri dan Jabatan Pendidikan akan berjumpa dengan ibu bapa serta pelajar untuk memberi penerangan jelas mengenai peluang dan potensi TVET.

"Kita nak mereka tahu bahawa selain fokus untuk mendapat 10A masuk universiti jadi doktor, arkitek dan sebagainya, mereka juga sebenarnya boleh masuk mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyediakan program TVET.

"Paling penting kita tidak mahu pelajar yang tidak dapat masuk ke universiti ini merasakan peluang untuknya telah tertutup dan hidupnya tidak bermakna, itu salah.

"Kalau ada kemahiran, dia jadi tukang gunting rambut pun dah ok," katanya kepada pemberita sempena siri jelajah akhir Program Tanya Cikgu Saarani 2024 di Stadium Indera Mulia di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah dan Pengarah Pendidikan Negeri, Safuan Raba'ai.

Saarani berkata, langkah memperkasa bidang TVET itu menjadi pemangkin kepada pelaksanaan projek berimpak tinggi di negeri ini termasuklah Lembah Automotif Berteknologi Tinggi (AHTV) di Proton City, Tanjung Malim; Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC), Lumut dan Taman Perindustrian Bersepadu Hijau Kerian (KIGIP), Kerian.

Katanya, kejayaan projek tersebut bakal membuka peluang pekerjaan yang sangat luas terutama kepada graduan TVET.

"TVET ini bukan sahaja memberi peluang kepada mereka yang gagal, ramai graduan kelulusan universiti ada ijazah, masih perlu masuk TVET ambil sijil untuk disesuaikan dengan ijazah yang diperolehi," katanya.

Mengikut rekod, terdapat lebih 100 IPT di Perak dengan 62 daripadanya menyediakan latihan dan subjek TVET.

BERITA HARIAN

10 DISEMBER 2024

BH ONLINE | INDUSTRI REL TAWAR 25,000 PELUANG PEKERJAAN BAHARU KEPADA LEPASAN TVET

Industri rel tawar 25,000 peluang pekerjaan baharu kepada lepasan TVET - TPM

Oleh Mohd Amin Jalil - Disember 10, 2024 @ 8:49pm

bhnews@bh.com.my [Job opportunities](#) [Rail infrastructure](#)



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tengah) bersama wakil 10 syarikat yang dilantik sebagai vendor pada Majlis Penyerahan Projek Maintenance, Repair & Overhaul (MRO) SCS Class 92 dan Perjanjian Kolaborasi Di antara M Rail Technics dengan UniKL di Depoh EMU KTMB, Seremban, hari ini. - Foto NSTP/Mohd Amin Jalil.

SEREMBAN: Industri rel di negara ini kini membuka kira-kira 25,000 peluang pekerjaan baharu kepada le-pasan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr AhmadZahid Hamidi berkata untuk itu, kerajaan kini giat me-lahirkan tenaga mahir tempatan bagi memenuhi keperluan berkenaan.

Katanya, usaha itu mesti dimulakan menerusi program latihan dan pembangunan kemahiran modal insan bagi memperkukuh ekosistem rel sedia ada.

"Saya sebutkan bahawa di luar sana, terdapat 25,000 peluang pekerjaan dalam bidang ini (rel), dan Univer-siti Kuala Lumpur (UniKL) bersedia untuk melatih pelajar-pelajar bagi menerobos peluang ini.

"Dengan gaji minimum dalam bidang ini bermula dari RM3,000 dan meningkat sehingga RM7,000 bergan-tung kepada kepakaran pelajar, ia seharusnya dimanfaatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Kembali Kereta Api Kelas SCS 92 yang dipulihkan di bawah projek Penyelenggaraan, Pembaikan dan Pengubahsuaian (MRO) oleh M Rail Technics Sdn Bhd (RAILTEC) di Depoh EMU, Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) Seremban di sini, petang tadi.

Yang turut hadir EXCO Kerajaan Negeri, J Arul Kumar; Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dan Pengerusi Kumpulan Destini dan M Rail Technics Sdn Bhd (RAILTEC), Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Luar Bandar dan Wilayah berkata sebelum ini kerajaan terpaksa menghantar pelajar ke luar negara untuk mendapatkan kemahiran tetapi kini segalanya dilakukan di sini.

Beliau bagaimanapun menegaskan masih terdapat keperluan untuk menghantar pelajar ke luar negara seperti di Australia bagi memperoleh lebih pendedahan dan pengalaman.

"Apa yang penting pengetahuan, kepakaran daripada negara itu dan negara lain wajib dibawa ke negara kita kerana Malaysia berhasrat untuk menjadi sebuah negara maju suatu ketika nanti," katanya.

Ahmad Zahid berkata UniKL terbabit secara langsung untuk melatih tenaga profesional, teknikal dan vokasional dalam semua bidang termasuk MRO kapal terbang dan kini kereta api serta kapal.

"UniKL sanggup bekerjasama bagi melatih pekerja mahir bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian dan pengangkutan negara," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Kesesakan Lalu Lintas dan Kesela-

Menurutnya, masalah kesesakan jalan raya terutamanya di bandar-bandar besar terlalu mendesak dan perlu mencari penyelesaian masalah ini.

"Memang benar banyak cadangan untuk kita sampai ke satu destinasi mesti melalui pengangkutan awam. Namun apa yang lebih penting kesediaan pengangkutan awam mesti berada di tahap tertinggi termasuklah rel," katanya.

BERNAMA

11 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN TIADA HASRAT PERKENAL TVET KEPADA LEPASAN DARJAH ENAM

KERAJAAN TIADA HASRAT PERKENAL TVET KEPADA LEPASAN DARJAH ENAM – AHMAD ZAHID

🕒 11/12/2024 06:20 PM



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk memperkenalkan program Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada pelajar lepasan darjah enam, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata meskipun terdapat negara maju telah melakukan perkara tersebut, pihaknya berpendapat cadangan pelaksanaan TVET bagi lepasan darjah enam perlu penelitian sebaiknya.

"Ada beberapa negara seperti Emiriah Arab Bersatu (UAE) umpamanya, selepas *grade 6*, mereka terus dimasukkan ke program TVET dan TVET jadi pilihan utama di sana. Malah banyak negara maju telah memulakan perkara itu juga.

"Tetapi biarlah kita mulakan dengan lepasan Tingkatan 3 dahulu, kemudiannya baru kita buka (kepada pelajar) selepas darjah enam nanti, kerana kita tidak mahu kejutan budaya berlaku kepada ekosistem pendidikan negara kita," katanya semasa sesi penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan 2025 bagi KKDW di Dewan Negara hari ini.

Terdahulu, Senator Datin Ros Suryati Alang mencelah dan mencadangkan agar pendidikan TVET itu diturunkan had umur seawal 13 tahun, berikutan terdapat ramai pelajar yang tinggal di luar bandar dan Orang Asli yang selepas darjah enam enggan lagi melanjutkan ke sekolah menengah.

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVET) berkata kerajaan akan berusaha membantu pelajar lepasan tingkatan tiga untuk mengikuti kursus program TVET.

"Saya amat menyedari trend yang sebegitu. Setakat ini kita bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memulakan kursus TVET ini selepas mereka melalui Tingkatan 3," katanya.

Beliau memaklumkan pelajar dalam bidang tersebut akan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap satu hingga lima iaitu setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (tahap satu hingga tiga) dan taraf seperti Diploma (tahap empat dan lima).

Ahmad Zahid turut berkata sehingga 31 Okt ini, seramai 408,000 pelajar TVET seluruh negara direkodkan, suatu peningkatan yang memberangsangkan jika dibandingkan seramai 128,000 pelajar, sebelum beliau menggalas tanggungjawab pengerusi MTVET.

Beliau berkata ketika ini institusi TVET awam di bawah 12 kementerian, termasuk enam institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTem), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sementara itu, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) Akmal Nasrullah Mohd Nasir pada sesi penggulungan kementeriannya pula berkata ketika ini, sebanyak enam pelan induk tebatan banjir sedang dibangunkan dengan tiga daripadanya dalam perancangan untuk dibangunkan seawal April 2025 dan 50 pelan telah disiapkan.

Beliau berkata selain menyediakan cadangan atau syor projek tebatan banjir secara bersepadu, pelan induk berkenaan juga mengandungi 'peta *hazard* banjir' yang menjadi rujukan utama beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan agensi pertahanan dalam merancang pembangunan negara termasuklah dalam persediaan menghadapi banjir.

"Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan 133 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB), termasuklah 43 projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi (TBBT) seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 46 projek di peringkat prapelaksanaan, 79 dalam pelaksanaan dan lapan telah siap dilaksanakan.

"Dengan pelaksanaan projek-projek RTB, kadar kerosakan infrastruktur dan kerugian rakyat akibat banjir berjaya dikurangkan, melibatkan 32 peratus daripada keseluruhan 33.2 juta penduduk di seluruh negara dan 13.4 peratus kawasan terdedah banjir daripada jumlah keluasan 330,803 kilometer persegi di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA

12 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | TVET PACU EKONOMI, JAMIN MASA DEPAN GENERASI MUDA

TVET PACU EKONOMI, JAMIN MASA DEPAN GENERASI MUDA

🕒 12/12/2024 02:23 PM



Mohammad Rizan Hassan

SEREMBAN, 12 Dis (Bernama) -- Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan platform terbaik untuk generasi muda memperoleh kemahiran teknikal yang relevan sekali gus membuka peluang kerjaya lebih kompetitif dan berdaya saing.

Pelaksanaan TVET di Malaysia diterajui oleh 1,398 institusi kemahiran awam merentasi 12 kementerian, institusi kemahiran negeri dan institusi kemahiran swasta yang menawarkan pelbagai program dalam sesuatu bidang.

Selaras dengan permintaan yang semakin tinggi terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi, TVET telah menjadi pilihan utama kerjaya dalam menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi menerusi pelbagai program terutamanya Program Latihan TVET Belia Malaysia-China (MCYTT).

Pengasas Projek Belia Mahir Mohammad Rizan Hassan berkata TVET diakui sebagai platform signifikan dan strategik dalam membekalkan belia dengan kemahiran teknikal yang amat diperlukan oleh industri, seterusnya memberikan mereka kelebihan dalam pasaran pekerjaan.

"Pelajar Belia Mahir mengikuti program TVET ini berpeluang mengikuti latihan TVET ke China melalui MCYTT sekiranya memenuhi syarat kelayakan. Sejak 2023, sebanyak 376 pelajar di bawah program ini berjaya memasuki industri di 36 syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk yang diterima bekerja di China.

"Kerjasama ini sejajar dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, selaku Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVET), yang mahu menjadikan TVET sebagai budaya dan gaya hidup, khususnya dalam kalangan generasi muda," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Pusat Pembangunan Belia Berkemahiran, Rasah Jaya, di sini.

Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) di bawah program MYCTT itu turut membuka laluan pendidikan dan latihan TVET percuma di China sebagai sokongan kepada Malaysia dalam membangunkan bakat mahir tempatan.

Sebanyak 220 syarikat China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan TVET bagi jangka pendek, sederhana dan panjang sekali gus menjadi *game changer* dalam melonjakkan industri TVET di Malaysia. Kerajaan menyasarkan untuk menghantar lebih 5,000 pelajar TVET ke negara itu menjelang 2025.

Inisiatif ini jelas menunjukkan TVET menerapkan kepelbagaian set kemahiran khusus untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang kompeten berasaskan teknologi berkualiti serta memenuhi permintaan dalam pelbagai sektor industri seterusnya menawarkan pendapatan lumayan dan membentuk masa depan lebih baik.

Mohammad Rizan berkata selain Belia Mahir, terdapat 56 rakan strategik yang lain menawarkan program TVET di institusi kemahiran swasta bagi membantu golongan muda memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Beliau berkata TVET bukan sahaja membuka peluang pekerjaan lebih meluas, malah mampu memenuhi keperluan pasaran kerja yang semakin mencabar, sekali gus memperkukuhkan ekonomi negara melalui tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing.

Dalam pada itu, Mohammad Rizan yang merupakan bekas pelajar Sekolah Henry Gurney berkata berpegang dengan keazaman dan tekad mahu berubah mendorongnya berjaya walaupun tidak memiliki sijil pendidikan di peringkat institusi pendidikan tinggi.

"Saya mengambil contoh diri saya sendiri, ketika usia 16 tahun saya telah dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney, menjalani perintah hukuman selama tiga tahun, dan dibebaskan pada usia awal 20-an. Saya tiada sebarang kelulusan sijil, sama ada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Sepanjang berada dalam tahanan, saya memanfaatkan masa mempelajari ilmu kemahiran. Setelah dibebaskan, saya mendapat peluang bekerja di sebuah syarikat Jepun di Johor Bahru sebagai operator pengeluaran dan kemudian berbekalkan iltizam serta disiplin, saya ditawarkan mengikuti latihan kemahiran dan bekerja di Jepun untuk beberapa tahun," katanya.

Sementara itu, pengajar Belia Mahir, R. Neshan, 28, berkata usaha kerajaan memartabatkan TVET adalah satu tindakan tepat kerana permintaan dalam dan luar negara terhadap kepenggunaan tenaga mahir ini sentiasa meningkat.

Neshan berpeluang mengikuti latihan TVET sebanyak dua kali di Yantai Vocational College di China, bagi mempelajari kemahiran pembuatan kenderaan elektrik (EV) yang kini mendapat sambutan tinggi.

"Bidang automotif disediakan dalam program TVET ini sangat bertepatan dengan perkembangan industri dunia sekarang ini yang amat memerlukan pekerja mahir, selain diberi peluang mendalami teknologi kecerdasan buatan (AI) di negara maju," katanya yang berasal dari Melaka.

Bagi pelajar Nimrod Jezreel Ortiz Balellio, 19, berkata dia bertuah diberi peluang mengikuti program TVET dalam bidang automotif EV hampir dua minggu di China.

Remaja berasal dari Tawau, Sabah itu berkata menerusi pengalaman berharga itu dia dapat mengembangkan lagi potensi diri dalam bidang automotif dan akan dikongsikan bersama rakan-rakan di sini.

"Semasa di China, banyak yang kami pelajari, antaranya bagaimana cara mengendalikan pembaikan kereta. Kami diajar pelbagai teknik oleh pengajar profesional," kata anak ketiga daripada empat beradik itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

12 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | PENINGKATAN KADAR BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA BERI MANFAAT KEPADA 60,000 PELAJAR

PENINGKATAN KADAR BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA BERI MANFAAT KEPADA 60,000 PELAJAR – MOT

🕒 12/12/2024 09:11 PM



PUTRAJAYA, 12 Dis (Bernama) -- Peningkatan kadar inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan FLYsiswa daripada RM300 kepada RM400 berkuat kuasa 1 Jan 2025 dijangka memanfaatkan kira-kira 60,000 mahasiswa yang menggunakan penerbangan bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Kementerian Pengangkutan (MOT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan mahasiswa dari universiti awam, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan tinggi serta kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) boleh membuat semakan kelayakan menerusi laman sesawang MOT di <https://subsidiudara.mot.gov.my/>) mulai tarikh tersebut.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengumumkan kadar kenaikan inisiatif berkenaan yang mula dilaksanakan pada 2023 ketika merasmikan Karnival FLYsiswa dan Karnival Pengangkutan Siswa MADANI di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Menurut kenyataan itu, sejak pelaksanaan FLYsiswa hingga 10 Dis lepas, sebanyak 74,500 pelajar atau 73 peratus daripada keseluruhan 102,150 pelajar yang layak telah menerima manfaat bantuan subsidi tiket penerbangan itu.

Menurut MOT, ia merangkumi 37,551 pelajar atau 75 peratus daripada 50,095 pelajar pada 2023 dan 36,949 pelajar atau 71 peratus daripada keseluruhan 52,055 pelajar hingga 10 Dis lepas, telah menebus baucar digital masing-masing dengan syarikat penerbangan negara.

Inisiatif FLYsiswa merupakan manifestasi Kerajaan Perpaduan dalam memastikan isu kos sara hidup ditangani selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta mengeratkan hubungan antara Semenanjung dan Sabah, Sarawak serta Labuan.

-- BERNAMA

BERNAMA

12 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA DINAIKKAN KEPADA RM400

BANTUAN SUBSIDI FLYSISWA DINAIKKAN KEPADA RM400 – PM ANWAR

🕒 12/12/2024 08:01 PM



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melakukan gimik Perasmian Karnival FLYsiswa 2024 di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) Universiti Teknologi Mara (UiTM). Turut hadir, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke (dua, kiri) serta Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahibuddin (kanan).

SHAH ALAM, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengumumkan kadar inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan, FLYsiswa dinaikkan daripada RM300 kepada RM400 seorang bermula 1 Jan depan.

Beliau berkata langkah itu merupakan antara ikhtiar kerajaan dalam meringankan beban mahasiswa dari Sabah, Sarawak dan Labuan yang berdepan isu tiket penerbangan yang agak tinggi apabila ingin pulang ke negeri masing-masing.

"Sebab itu kita bagi bantuan menerusi FLYsiswa dan untuk tahun hadapan, kita naik kepada RM400 daripada RM300 sebelum ini.

"Ini cara kita untuk tunjuk keprihatinan kerajaan ringankan sedikit beban anak-anak dari negeri yang terlibat," katanya ketika merasmikan Karnival FLYsiswa dan Karnival Pengangkutan Siswa MADANI di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam di sini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, Menteri Pengangkutan Anthony Loke dan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Diperkenal pada 2023, FLYsiswa ialah bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru di bawah Kementerian Pendidikan bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Ia dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* dengan syarikat penerbangan tempatan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Inisiatif itu bertujuan mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman terutama mereka yang tiada pilihan mod pengangkutan selain penerbangan.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata usaha meringankan beban kewangan itu bertujuan memastikan mahasiswa terbabit dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap pembelajaran masing-masing.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan meletakkan harapan tinggi kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk melakar masa depan negara yang lebih baik dengan belajar menerima setiap disiplin ilmu serta teknologi baharu demi kebaikan diri serta negara pada masa akan datang.

"Namun dalam masa melatih mereka menjadi pemimpin masa hadapan, anak-anak di universiti juga harus memimpin pemikiran rakyat Malaysia hari ini.

"Anak-anak mahasiswa mesti menjadi pemimpin yang miliki wibawa dengan tahu membezakan kebenaran di sebalik sesuatu perkara yang diperdebatkan ketika ini," katanya.

Pada masa sama, Anwar mahu institusi pendidikan dan pimpinan akademik terus berusaha menguasai bidang baharu disiplin ilmu untuk menjamin graduan yang dihasilkan bermutu atau berkualiti tinggi.

Loke pula berkata sebanyak 70 peratus daripada 52,030 mahasiswa yang layak telah menebus baucar inisiatif FLYsiswa dan beliau menggesa mereka yang belum berbuat demikian supaya segera membuat tuntutan sebelum akhir bulan ini.

Beliau berkata bagi pelaksanaan inisiatif itu tahun depan, pihaknya akan segera mendapatkan data terkini daripada KPT untuk membolehkan mahasiswa menebus baucar itu seawal bulan Januari.

"Terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberikan peruntukan sebanyak RM48 juta bagi pelaksanaan inisiatif ini tahun hadapan yang kita yakin membolehkan pelajar terbabit merancang perjalanan pulang ke kampung," katanya.

Mengenai karnival hari ini, Loke berkata seramai 4,158 mahasiswa menghadirinya termasuk bagi mendapatkan informasi berkaitan inisiatif FLYsiswa selain berpeluang memiliki 3,500 topi keledar percuma yang disediakan.

-- BERNAMA

BERITA HARIAN

14 DISEMBER 2024

BH ONLINE | NCDRC UPSI BAWA 27 KANAK-KANAK LAWAT KOLEJ VOKASIONAL, DEDAH ILMU TVET

NCDRC UPSI bawa 27 kanak-kanak lawat kolej vokasional, dedah ilmu TVET

Oleh Rosman Shamsudin - Disember 14, 2024 @ 7:20am
bhnews@bh.com.my




Foto hiasan TVET

SLIM RIVER: Minat terhadap bidang Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) seharusnya dipupuk dari peringkat awal usia supaya minat terhadap bidang itu dapat disemai dalam jiwa kanak-kanak yang sedang mengalami perkembangan minda seiring perubahan umur.

Sehubungan itu, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), mengambil inisiatif mengadakan lawatan sambil belajar ke kolej vokasional dengan sasaran merealisasikan hasrat kerajaan memperkasa TVET dalam jiwa generasi masa depan.

Lawatan itu disertai 27 kanak-kanak dari NCDRC UPSI dengan diiringi lima guru tadika di universiti berkenaan.

Melalui lawatan itu, peserta didedahkan komponen enjin kereta dan alatan automotif di samping komponen pendingin hawa oleh Pensyarah Teknologi Automatif serta Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara.

Pengarah Kolej Vokasional Slim River (KVSR), Zulinah Jemon, berkata lawatan berkenaan sudah tentu membantu dalam membuka ruang pendedahan awal terhadap bidang TVET dalam kalangan generasi muda terutama kanak-kanak.

"Lawatan ini salah satu titik permulaan kepada kanak-kanak menanam minat dan bakat dalam TVET dari usia muda.

"Kanak-kanak pada usia begini sedang berada dalam fasa perkembangan minda yang pantas dan pendedahan bidang TVET sudah tentu dapat melahirkan kanak-kanak yang lebih kreatif dan inovatif sejak awal," katanya melalui kenyataan.

Zulinah berkata, usaha ini sudah tentu bakal memberi contoh kepada pihak institusi lain dalam usaha memberi pendedahan awal dan memperkasa bidang TVET pada masa depan.

Beliau berkata, pihaknya juga sentiasa mengalukan pihak luar menjalinkan kerjasama untuk membudayakan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya memperkasa bidang TVET.

BERITA HARIAN

14 DISEMBER 2024

BH ONLINE | TVET TERUS DIPERKASA PENUHI KEPERLUAN INDUSTRI, TEKNOLOGI

TVET terus diperkasa penuhi keperluan industri, teknologi - Zahid



Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Disember 14, 2024 @ 12:14pm
bhnews@bh.com.my



Ahmad Zahid menyampaikan Anugerah Khas Menteri kepada penerima, Amna Arina Yaacob pada Majlis Konvokesyen Kolej Ketengah Kali Ke 4 di Dewan Tun Hussein Onn, WTCKL. - Foto NSTP/Eizairi Shamsudin

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited untuk terus memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi yang terus berkembang, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, TVET bukan saja membuka peluang kerjaya, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan negara.

"Ia juga berperanan besar dalam merealisasikan hasrat negara menuju status negara berpendapatan tinggi," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Konvokesyen Kolej Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) kali ke-4 di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut menghargai usaha Kolej KETENGAH yang terus komited dalam menawarkan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) serta TVET kepada pelajarannya.

Dalam menghadapi cabaran global dan perkembangan teknologi, beliau percaya Kolej KETENGAH sudah merangka hala tuju yang jelas ke arah kecemerlangan pendidikan dan pembangunan modal insan negara.

"Saya berharap mutu pengajaran dan pembelajaran terus kekal tinggi, malah ditingkatkan seiring dengan keperluan semasa.

"Pada masa sama, saya menyeru kurikulum yang diguna pakai sentiasa disemak dan ditambah baik, supaya selari dengan keperluan industri dan ekonomi," katanya.

Pada majlis itu, Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara turut menyampaikan skrol kepada 265 graduan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak atas kejayaan mereka menamatkan pengajian di kolej berkenaan.

Ketika ini, terdapat 1,345 institusi TVET di seluruh negara yang beroperasi dengan lancar di bawah pengendalian serta kawal selia oleh 12 kementerian dan agensi kerajaan.

Media sebelum ini turut melaporkan, dari aspek kebolehpasaran graduan TVET negara, pada tahun lalu, ia sudah menunjukkan peningkatan iaitu 94.5 peratus berbanding 93.3 peratus pada 2022.

BERNAMA

16 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | KPT RANGKA PELAN PENDIDIKAN TINGGI 2025-2035

KPT RANGKA PELAN PENDIDIKAN TINGGI 2025-2035

🕒 16/12/2024 06:19 PM



Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir

PUTRAJAYA, 16 Dis (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) giat merangka Pelan Pendidikan Tinggi 2025-2035 berikutan pelan sedia ada bakal berakhir hujung tahun hadapan.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk melibatkan pelbagai pihak termasuk pakar tempatan yang berpengalaman luas bagi memberi tumpuan kepada sistem pendidikan terbaik yang mampu melahirkan generasi berdaya saing dan relevan dengan keperluan masa depan.

"Kita perlu menyediakan satu pelan baharu untuk 10 tahun akan datang. Dalam erti kata lain, kita perlu menentukan apa yang akan berlaku kepada sistem pendidikan tinggi negara dalam tempoh tersebut," katanya pada sidang media Pembentangan Kad Laporan Pencapaian KPT 2024 di sini hari ini.

Beliau berkata KPT bercadang untuk tidak menggunakan khidmat perunding luar dalam merangka sistem pendidikan negara sebaliknya menggunakan tenaga pakar tempatan sedia ada yang lebih tahu mengenai keperluan negara.

"Ini merupakan satu perubahan besar dalam sistem pendidikan tinggi.

"Mungkin kita boleh mengambil inspirasi daripada pelaksanaan di luar negara, tetapi keutamaan adalah kepada kepakaran tempatan. Kita merancang secara bersama dan memastikan pelan pendidikan tinggi Malaysia 2025-2035 ini memenuhi keperluan negara kita," katanya.

Sementara itu, mengenai pencapaian KPT pada tahun ini, Zambry berkata tiada istilah puas hati sebaliknya meneruskan penambahbaikan dengan sentiasa melihat mana-mana aspek yang perlu diperkembangkan lagi atau mengambil kira idea baharu untuk diketengahkan.

".. kerana dunia pendidikan tinggi sekarang ini terlalu dinamik dan pantas berubah, serta keperluan yang perlu kita letakkan," katanya.

Sempena Kepengerusian ASEAN, Zambry berkata KPT akan mengemukakan cadangan menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelidikan universiti ASEAN dalam persidangan pertubuhan itu tahun depan.

Sementara itu, berdasarkan Kad Laporan KPT 2024, kementerian itu telah mencapai lima fokus utama iaitu menyediakan bakat terbaik negara, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu, pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan pemantapan ekosistem pemboleh daya.

-- BERNAMA

BERNAMA

16 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | JELAJAH HAWANA BERSAMA SISWA DICADANG DIPERLUAS KE POLITEKNIK TAHUN HADAPAN

JELAJAH HAWANA BERSAMA SISWA DICADANG DIPERLUAS KE POLITEKNIK TAHUN HADAPAN

🕒 16/12/2024 08:25 PM



KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Program Jelajah Hari Wartawan Nasional (HAWANA) Bersama Siswa yang sebelum ini menyantuni pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dicadang diperluas ke politeknik tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datin Paduka Nur-ul Afida Kamaludin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja HAWANA 2024 berkata ia antara cadangan bagi penambahbaikan aktiviti dan program di bawah penganjuran HAWANA 2025.

"Mungkin kita boleh berkongsi (pada Jelajah HAWANA di politeknik) bidang-bidang kemahiran yang ada di Bernama, seperti fotografi, reka bentuk grafik dan sebagainya...dan ia dipersetujui menteri (Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil) supaya apa jua maklumat yang boleh memanfaatkan pelajar diperluas.

"Perkara ini akan dibincangkan secara terperinci pada satu mesyuarat bersama ketua-ketua jabatan nanti. Mungkin awal tahun hadapan, kita boleh menyusun dan menyenaraikan program yang dapat kita laksanakan yang mungkin juga seiring Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia," katanya kepada pemberita selepas Majlis Apresiasi HAWANA 2024, di Wisma Bernama di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarang Bernama Arul Rajoo Durar Raj yang juga Pengarah Projek HAWANA 2024 dan Timbalan Ketua Pengarang Bernama merangkap Ketua Jawatankuasa Promosi, Publisiti Projek HAWANA 2024 Nasriah Darus.

Jelajah HAWANA Bersama Siswa yang julung kali diadakan sempena sambutan HAWANA 2024 melabuhkan tirainya pada 12 Dis lepas usai kunjungan ke beberapa IPTA di enam zon seluruh negara.

Menyifatkan jelajah itu sebagai kejayaan besar, Nur-ul Afida berkata selain penganjuran bengkel interaktif yang relevan dengan dunia digital dan bidang kewartawanan, set komputer berkeupayaan tinggi dan televisyen pintar turut disumbangkan kepada beberapa universiti menerusi program tersebut.

HAWANA yang dianjurkan bagi meraikan sumbangan pengamal media pada 29 Mei setiap tahun, turut memperkenalkan Tabung Kasih@HAWANA bertujuan menyantuni wartawan dan petugas media yang keuzuran atau memerlukan bantuan.

Nur-ul Afida memberikan komitmen Bernama sebagai sekretariat tabung berkenaan untuk menyampaikan amanah kepada penerima yang layak menerusi peruntukan yang disalurkan.

Mengenai Majlis Apresiasi HAWANA 2024 hari ini, beliau berkata ia dianjurkan sebagai penghargaan kepada semua petugas yang terlibat sepanjang penganjuran acara itu.

-- BERNAMA

BERITA HARIAN

17 DISEMBER 2024

BH ONLINE | KPT BERJAYA CAPAI 5 FOKUS UTAMA

KPT berjaya capai 5 fokus utama

Oleh **Samadi Ahmad** - Disember 17, 2024 @ 4:33pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir. - Foto Bernama

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berjaya mencapai lima fokus utama ditetapkan bagi tahun ini, kata Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Lima fokus itu adalah membabitkan penyediaan bakat terbaik negara, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, pelaksanaan pendekatan baharu program pemindahan dan perkongsian ilmu, pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan pemantapan ekosistem pemboleh daya.

Zambry berkata, KPT sentiasa melakukan penambahbaikan secara berterusan dan kritikan sendiri dengan melihat pelbagai aspek lain yang perlu diperkemaskan.

"Dunia pendidikan bergerak pantas dan sangat dinamik sekali gus perlu diberi perhatian utama," katanya pada sidang akhbar pembentangan kad laporan pencapaian KPT 2024 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Mustapha Sakmud.

Katanya, KPT juga sedang merangka Pelan Pendidikan Tinggi 2025-2035 bagi menyediakan kerangka baharu mengenai hala tuju pelajar universiti yang akan menamatkan pengajian di universiti dan politeknik.

Katanya, pelan itu dirangka berikutan pelan sedia ada akan berakhir hujung tahun depan.

Justeru, satu jawatankuasa khas terdiri daripada pelbagai pakar tempatan akan memperincikan pelan itu dalam usaha menentukan hala tuju pendidikan tinggi dalam tempoh 10 tahun akan datang mengikut keperluan semasa.

"KPT perlu menyediakan sistem pendidikan terbaik untuk 10 tahun akan datang untuk generasi masa depan," katanya.

Katanya, pelan yang sedang dirangka ini adalah agenda terbesar KPT kerana membabitkan dasar masa depan pendidikan tinggi negara.

Tak ambil pakar luar

Zambry berkata, KPT tidak lagi mengambil pakar luar negara untuk merangka sistem pendidikan negara, sebaliknya menggunakan tenaga pakar dalam negara yang sama hebat dengan pakar daripada luar negara.

"Ini adalah perubahan besar dalam sistem pendidikan tinggi negara kerana kita lebih tahu apa keperluan negara di samping boleh mendengar apa yang dilaksanakan di luar negara," katanya.

Dalam perkembangan lain, Zambry memaklumkan KPT bercadang untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat penyelidikan universiti ASEAN, bersempena negara ini menjadi tuan rumah persidangan ASEAN, tahun depan.

"Sempena persidangan berkenaan, kita akan cadangkan dan berharap idea diketengahkan itu nanti akan diterima oleh negara anggota ASEAN," katanya.

BERNAMA

18 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI JALIN KERJASAMA DENGAN JPKK LAKSANA PROGRAM SEJATI MADANI

Politeknik, Kolej Komuniti Jalin Kerjasama Dengan JPKK Laksana Program Sejati Madani

🕒 18/12/2024 09:27 PM



Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) Dr Riam Chai Mau (dua, kanan) bersama pegawainya menunjukkan cendawan tiram yang diusahakan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) ketika lawatannya ke Penanaman Cendawan Program Sejati Madani. Turut sama Pengerusi JPKK Kampung Buia Haslan Abdul Halim (kiri). --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

PADANG RENGAS, 18 Dis (Bernama) -- Politeknik dan Kolej Komuniti bekerjasama dengan 21 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) seluruh negara bagi melaksanakan pelbagai projek di bawah Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTi MADANI) membabitkan dana hampir RM2.1 juta.

Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) Dr. Riam Chai Mau berkata daripada jumlah berkenaan sebanyak lima projek telah dilaksanakan di Perak sejak Jun lepas.

"Jumlah sebenar permohonan JPKK melibatkan kerjasama kedua-dua pihak di bawah SejaTi MADANI ini adalah sebanyak 55 namun buat masa ini 21 projek telah diluluskan pelaksanaannya.

"Di Perak, lima projek yang telah diluluskan itu adalah di Gerik, Taiping, Pasir Salak, Chenderoh dan Bagan Serai melibatkan projek pertanian dan penternakan," katanya pada sidang media selepas sesi lawatan Projek Penanaman Cendawan di Kampung Buaia di sini hari ini.

SejaTi MADANI ialah inisiatif baharu Kerajaan Perpaduan bertujuan merancakkan aktiviti ekonomi pada peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana antara RM50,000 hingga RM100,000 kepada komuniti yang layak.

Pada 17 Dis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa memaklumkan sebanyak 6,547 daripada 8,923 permohonan yang diteliti dan dipertimbangkan di bawah SejaTi MADANI telah diluluskan membabitkan peruntukan sebanyak RM590 juta setakat 12 Dis.

Riam berkata peranan dimainkan pihak politeknik dan kolej komuniti terhadap projek yang dilaksanakan sesebuah komuniti itu lebih terarah kepada proses dokumentasi serta pemantauan projek.

"Tugas kami lebih kepada bantuan mengisi permohonan JPKK yang berminat melaksanakan projek. Selain itu, kita juga menempatkan beberapa petugas sebagai pemantau bagi memastikan projek berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata melalui pemantauan itu pihaknya perlu memastikan laporan kewangan serta perkembangan projek dihantar kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

-- BERNAMA

BERNAMA

25 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA PERLU PERKUKUH TRANSFORMASI TENAGA KERJA UNTUK PERSIAPAN MASA DEPAN



EKONOMI • 25/12/2024 01:01 PM

Malaysia Perlu Perkukuh Transformasi Tenaga Kerja Untuk Persiapan Masa Depan

Oleh Nurunnasihah Ahmad Rashid

KUALA LUMPUR, 25 Dis (Bernama) -- Tenaga kerja Malaysia perlu diperkukuh bagi memastikan mereka bersiap sedia untuk masa depan, terutamanya dalam sektor kecerdasan buatan (AI) dan tenaga boleh baharu (TBB), kata pengasas Learning Edge Perthpal Singh.

Learning Edge ialah organisasi latihan profesional dan korporat yang menumpukan kepada usaha membangunkan tenaga kerja Malaysia yang cekap dan bersemangat waja.

Pada masa ini, Perthpal berkata hanya 35 hingga 40 peratus organisasi Malaysia mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja mereka bagi menghadapi cabaran daripada perkembangan dalam automasi dan teknologi baru muncul.

Menerusi satu temu bual eksklusif bersama Bernama, beliau mengetengahkan data daripada Forum Ekonomi Dunia, yang menganggarkan 44 peratus pekerja global akan menghadapi gangguan kemahiran yang ketara dalam tempoh lima tahun akan datang.

Malaysia, katanya, berisiko ketinggalan di belakang negara serantau seperti Singapura dan Vietnam sekiranya intervensi tidak dilaksanakan dengan segera.

"Jurang antara persiapan tenaga kerja kita pada hari ini dengan tuntutan industri pada masa akan datang semakin melebar pada kadar yang membimbangkan," katanya.

Perthpal berkata demikian sebagai merujuk kepada isu asas dalam sistem pendidikan Malaysia, apabila kurang daripada 50 peratus pelajar sekolah menengah kini mendaftar dalam aliran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) .

Daripada jumlah ini, katanya, hanya 21 peratus mengambil jurusan sains tulen, dan 27 peratus mendaftar dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

"Angka-angka ini jauh di bawah tahap yang diperlukan untuk melahirkan tenaga kerja yang mampu memacu pertumbuhan dalam sektor permintaan tinggi seperti AI, TBB dan analitik data.

“Sementara itu, Singapura membuat pelaburan yang besar dalam pendidikan dan latihan, memastikan 70 peratus tenaga kerjanya berkemahiran tinggi,” katanya.

Perthpal juga berkata Vietnam turut menggandakan pelaburannya dalam program latihan teknologi sejak sedekad lalu, meletakkannya sebagai hab kompetitif di rantau ASEAN.

Namun di sebalik cabaran ini, beliau mengakui bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah penting dalam menangani isu-isu ini.

“Inisiatif seperti Dasar STEM Negara dan peruntukan RM6.8 bilion untuk TVET dalam Belanjawan 2024 adalah satu langkah yang wajar.

“Program seperti ‘Pemeriksaan TVET’ juga telah mula menyelaraskan kurikulum dengan keperluan pasaran, dan usaha untuk memberi inspirasi kepada pelajar melalui inisiatif seperti menghantar saintis muda ke sekolah adalah langkah ke arah yang betul,” katanya.

Bagaimanapun, Perthpal menegaskan bahawa usaha ini perlu dipergiatkan untuk merapatkan jurang yang semakin melebar.

“Malaysia berada di titik kritis. Walaupun kita telah menyediakan dasar dan inisiatif yang sewajarnya, namun isu pokok masih belum ditangani,” katanya.

Menurutnya, tiadanya hubungan selari antara akademik dan industri telah menyebabkan tenaga kerja Malaysia tidak bersedia untuk mendepani realiti pada masa depan.

Beliau menggesa agar asas sistem pendidikan dan latihan Malaysia dirombak untuk menekankan kepada pembelajaran praktikal, memberi tumpuan kepada aplikasi berbanding hafalan, terutamanya dalam program STEM dan TVET.

Selain itu, beliau turut menyeru kerjasama yang lebih erat antara sektor awam dan swasta, mencadangkan agar syarikat korporat melaksanakan sekolah atau universiti angkat untuk menyediakan pelajar dengan pendedahan dunia sebenar kepada teknologi baru muncul.

“Tanpa pembaharuan yang berani dan pelaburan strategik, Malaysia berisiko kehilangan peluang global bernilai US\$1.7 trilion (US\$1 = RM4.49) yang ditawarkan oleh Industri 4.0. Namun jika sebaliknya Malaysia berpotensi untuk mencapai sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi lebih pantas, didorong oleh tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan,” kata Perthpal.

-- BERNAMA

BERNAMA

26 DISEMBER 2024

BERNAMA ONLINE | TVET BUKAN 'JALAN MATI' LALUAN KERJAYA BERPOTENSI TINGGI

TVET Bukan 'Jalan Mati', Laluan Kerjaya Berpotensi Tinggi

🕒 26/12/2024 10:07 AM



SHAH ALAM, 26 Dis (Bernama) -- Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tidak seharusnya dianggap sebagai 'jalan mati' bagi individu yang berhasrat mengembangkan kerjaya mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebaliknya, ia merupakan laluan terbuka bagi mereka yang berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan

Kemahiran yang diperoleh dalam bidang teknikal bukan sekadar terhad kepada memperbaiki enjin kereta yang bermasalah, tetapi juga berperanan penting dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran, yang secara tidak langsung membantu menggerakkan ekonomi negara.

Ketua Operasi Selepas Jualan Bermaz Auto Berhad (B Auto) Datuk Shamsuddin Amran berkata menerusi TVET, kerajaan kini berada di landasan yang tepat dalam memperkasakan program tersebut agar selaras dengan keperluan dan permintaan industri

Menurutnya, ini dilaksanakan melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), yang merupakan satu inisiatif di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Shamsuddin yang juga Pengerusi Kumpulan TVET Pilihan Kerjaya Utama berkata, sejak syarikatnya memulakan program SLDN 14 tahun lalu, mereka tidak lagi perlu bergantung sepenuhnya kepada tenaga kerja mahir dari luar negara.

Program yang dikendalikan oleh BermazAuto Training School telah berjaya melahirkan tenaga kerja mahir dalam tiga bidang pengajian yang ditawarkan, iaitu Mechatronics, Body and Paint, serta Mekanik.

"Kami telah melahirkan lebih daripada 1,000 juruteknik, dan 90 peratus tenaga kerja di B Auto merupakan hasil dari program SLDN tersebut.

“Dengan kemahiran yang mereka peroleh, mereka bukan sahaja bekerja sebagai juruteknik, tetapi ada di antara mereka yang berpeluang untuk berkhidmat sebagai jurutera, pembantu pengurus, dan bahkan pengurus

“Saya mendapati silibus atau kurikulum dalam SLDN ini amat cemerlang dan telah disahkan oleh rakan kongsi kami, seperti Mazda Corporation Japan dan Xpeng. Saya berbesar hati untuk meneruskan program SLDN ini dengan sokongan KESUMA,” katanya dalam satu temu bual bersama Bernama, baru-baru ini

Shamsuddin berkata pencapaian ini menangkis persepsi bahawa TVET hanya untuk sektor pekerjaan 3D (kotor, bahaya, dan sukar). Sebaliknya, jika seseorang itu komited, mereka mempunyai peluang untuk mencapai peringkat tertinggi dalam pengurusan sesebuah syarikat.

Beliau sendiri adalah seorang daripada individu yang menceburi bidang TVET sejurus selepas tamat tingkatan lima dalam bidang automotif pada 1984, dan kini beliau menduduki jawatan dalam pengurusan tertinggi syarikat dan berharap lebih ramai belia akan menceburi TVET, seiring dengan usaha kerajaan untuk menjadikannya sebagai agenda besar negara.

“Menerusi peruntukan Belanjawan 2025 yang diumumkan baru-baru ini, sebanyak RM7.5 bilion telah diperuntukkan untuk TVET. Saya melihat ini sebagai tanda keprihatinan kerajaan dalam memperkasakan TVET,” katanya.

Dalam pada itu, Shamsuddin mengakui terdapat cabaran dalam meneruskan program tersebut, khususnya apabila terdapat institusi TVET yang tidak melaksanakan SLDN akibat kos yang tinggi, termasuk keperluan untuk menyediakan tenaga pengajar yang kompeten serta alat bantuan latihan teknikal yang seiring dengan kemajuan dalam bidang tertentu.

“Landskap automotif kini telah berubah, di mana pengajaran tidak lagi tertumpu kepada sistem enjin lama. Sebaliknya, kita kini beralih kepada enjin kenderaan tanpa pemandu dan kenderaan elektrik (EV).

“Ia merupakan cabaran besar bagi industri untuk mendapatkan barangan tersebut kerana harganya yang sangat tinggi. Ini juga menjadi cabaran bagi pusat-pusat TVET di Malaysia,” katanya.

Namun, Shamsuddin menegaskan bahawa walaupun menghadapi pelbagai cabaran, Malaysia adalah antara negara dengan sistem struktur TVET terbaik di kawasan ini, dan lepasan pelajar dalam bidang tersebut mampu memperoleh pekerjaan di luar negara, termasuk di Jepun dan Arab Saudi.

SLDN adalah satu kaedah latihan yang berorientasikan industri, yang dijalankan melalui kerjasama antara syarikat dan institusi latihan.

Melalui sistem ini, latihan dilakukan dalam dua situasi pembelajaran, iaitu di tempat kerja sebenar (syarikat), melibatkan 70 hingga 80 peratus latihan praktikal, dan di pusat latihan, meliputi 20 hingga 30 peratus pembelajaran teori.

Dalam konteks ini, seorang perantis bidang Mechatronics di BermazAuto Training School, R. Asswin, 19, berkata TVET adalah pembelajaran yang menyeronokkan kerana ia bersifat ‘menggembirakan’ dan tidak hanya terfokus pada teori dan amali semata-mata.

Beliau, yang menceburi bidang ini kerana minat mendalamnya terhadap automotif, bercadang untuk menambah ilmu pengetahuan dengan meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sebelum memasuki alam pekerjaan.

Bagi Nuraleeya Natasha Hamirul Mizam, 19, seorang perantis program Body and Paint, pengalaman belajar di TVET membolehkannya mempelajari kaedah kerja yang sebenar mengikut piawaian industri, termasuk teknik mengetuk dan mengecat badan kereta dengan betul.

Menurut Elsworth Lo Zhen-U, 20, ilmu yang diperoleh sepanjang tiga tahun di BermazAuto Training School membolehkannya menjadi tenaga pengajar di pusat tersebut dalam tempoh empat bulan lalu.

“Saya mula belajar pada 2021, dan sepanjang tempoh pengajian, penekanan terhadap disiplin kerja sangat ditekankan. Setiap bentuk kerja perlu dilaksanakan dengan teratur dan kemas.

“Tiga tahun pengajian ini telah mengubah pandangan saya terhadap TVET, terutama kerana ia memberikan nilai tambah dan kemahiran yang boleh dimanfaatkan dalam dunia pekerjaan,” katanya

-- BERNAMA

METRO

31 DISEMBER 2024

MY METRO | PROGRAM BAUCAR BUKU PELAJAR IPT FASA 2: INISIATIF DIGITAL TUAI HASIL

Program Baucar Buku Pelajar IPT Fasa 2: Inisiatif Digital tuai hasil



Kuala Lumpur: Program Baucar Buku MADANI Fasa 2 yang bernilai RM100 untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mendapat sambutan luar biasa daripada mahasiswa di seluruh negara.

Dilancarkan pada 29 Oktober 2024 oleh Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Seri Diraja Zambray Abdul Kadir, program ini bertujuan menyokong keperluan akademik pelajar IPT dengan memberikan akses lebih mudah kepada bahan bacaan berkualiti.

Sambutan menggalakkan ini jelas menunjukkan keberkesanan inisiatif dilaksanakan.

Penebusan baucar yang dijalankan melalui platform rasmi MySiswaPlace, adalah selari dengan visi YB Menteri Pendidikan Tinggi untuk menyediakan pusat sehenti digital bagi memudahkan pelajar mengakses pelbagai perkhidmatan, program ini bukan hanya mempermudah pembelajaran mahasiswa, tetapi juga memperkukuh ekosistem pendidikan di seluruh negara.

Platform ini mencatatkan peningkatan trafik yang luar biasa sejak pelancaran program, mencerminkan sambutan dan penerimaan tinggi pelajar terhadap inisiatif ini.

Peningkatan kadar penebusan ini bukan sahaja menunjukkan tahap kesedaran tinggi pelajar tentang manfaat program ini, tetapi juga mencerminkan komitmen mereka dalam memanfaatkan inisiatif yang disediakan untuk meningkatkan kualiti pendidikan mereka.

Kejayaan ini turut disokong oleh lebih daripada 900,000 naskhah buku fizikal dan langganan e-buku yang berjaya dijual melalui platform MySiswaPlace.

Ini membabitkan kerjasama dengan lebih daripada 300 syarikat penerbit, pengedar dan penjual buku di seluruh negara.

Koleksi bahan bacaan yang ditawarkan merangkumi pelbagai genre dan bidang, dari buku akademik hingga bahan rujukan profesional dan novel, yang sesuai dengan keperluan pendidikan pelajar IPT.

Dengan sokongan meluas daripada komuniti penerbit dan pengedar, program ini bukan sahaja menyediakan akses kepada bahan bacaan berkualiti, tetapi juga membantu memperkuat industri penerbitan tempatan.

Jumlah penjualan dijangka akan terus meningkat dengan signifikan, terutama menjelang tarikh akhir program penebusan baucar buku pada 31 Disember 2024.

Permintaan yang tinggi daripada pelajar di seluruh negara mencerminkan keberkesanan usaha ini dalam memudahkan akses kepada bahan bacaan serta menyokong perkembangan budaya membaca dalam kalangan mahasiswa.

Pelajar IPT di seluruh negara masih berpeluang untuk menebus Baucar Buku MADANI Fasa 2 melalui portal rasmi MySiswaPlace di mysiswaplace.my sehingga hari ini.

Disiarkan pada: Disember 31, 2024 @ 11:02pm